

***Tarikh Dibaca: 04 Mac 2016***

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“APA KHABAR JIRAN ANDA”***

***\*\*\****

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR  
2016**

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
2. **Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad** (Timbalan Pengerusi)  
**Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
4. **Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)  
**Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
5. **Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
6. **Tuan Haji Sianid Bin Mokim** (Ahli)
7. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
8. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
9. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
10. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
11. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Majlis Agama Islam Selangor**
12. **Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)  
**Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



## "APA KHABAR JIRAN ANDA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ  
وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ

عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَنُّكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan penuh keyakinan dan kikhlasan dalam mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang sentiasa mendapat naungan dan limpahan rahmat Allah di dunia serta maghfirah di akhirat kelak.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan,**

Islam amat menitikberatkan hubungan kejiranan kerana ia adalah salah satu daripada cara hidup Islam. justeru itu, marilah kita hayati khutbah minggu ini yang bertajuk "**APA KHABAR JIRAN ANDA**".

Lumrah kehidupan manusia saling memerlukan pertolongan antara satu sama lain. Sudah tentu pertolongan dan bantuan itu diperlukan dari insan yang terdekat dari kita. Selain sahabat handai dan kaum kerabat, insan yang paling dekat dengan kita dan memainkan peranan penting memberi bantuan adalah jiran.

Kita berkewajipan mengekalkan hubungan baik dan mesra sesama mereka kerana ia memainkan peranan penting dalam memastikan satu kehidupan setempat yang aman dan harmoni. Ia juga akan memberi kemudahan, kelapangan, ketenteraman dan jalan keluar bagi satu-satu kesulitan atau masalah. Justeru, Islam menetapkan bahawa jiran juga mempunyai hak-hak tertentu terhadap kita yang perlu ditunaikan. Jiran juga perlu dihormati dan disantuni sebagaimana kita mengasihi keluarga kita.

Hadis daripada Jabir Bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:



الجِيرَانُ ثَلَاثَةٌ، جَارٌ لَهُ حَقٌّ وَاحِدٌ، وَهُوَ أَدْنَى  
الجِيرَانِ حَقًّا، وَجَارٌ لَهُ حَقَّانِ، وَجَارٌ لَهُ ثَلَاثَةٌ  
حُقُوقٍ، وَهُوَ أَفْضَلُ الجِيرَانِ حَقًّا.

*"Bermula jiran itu ada tiga martabat. Pertama, jiran yang mempunyai satu hak, jiran yang mempunyai dua hak dan jiran yang mempunyai tiga hak seafdal-afdhalnya"*

*(Riwayat al-Bazzar).*

Tiga kategori hak-hak jiran melalui hadis yang disebutkan tadi adalah:

1. Jiran yang mendapat satu hak iaitu hak jiran sahaja yang terdiri daripada bukan Islam dan bukan saudara kerabat keturunan.
2. Jiran yang memperoleh dua hak, hak jiran dan hak Islam iaitu mereka yang di kalangan sesama Islam.
3. Jiran yang memiliki keistimewaan tiga hak iaitu hak jiran, hak Islam dan hak kerabat iaitu mereka sesama Islam dan saudara kerabat keturunan.

Peranan jiran dalam kehidupan kita memang besar dan tidak boleh dinafikan. Lebih-lebih lagi kedudukan perumahan kita khususnya di kawasan bandar. Kedudukan rumah kita yang hanya dipisahkan dengan dinding konkrit menjadi satu hujah kukuh agar kita dianjurkan menjaga silaturrahim sesama insan. Malah Islam melengkapkan kedudukan jiran itu dengan menyatakan bahawa jiran kita adalah 40 buah rumah di hadapan kita, 40 di



belakang kita dan 40 buah rumah jiran di kiri dan kanan kita sebagaimana ditegaskan oleh Nabi Muhammad SAW.

### **Sidang hadirin sekalian,**

Memiliki jiran yang baik bermula daripada kita. Kita bertegur sapa, tolong menolong, bertanya khabar tentang kesihatannya, berkongsi rasa dan rezeki apabila berlebihan, menghulur bantuan ketika kesusahan.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ  
جَارَهُ.

*"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan jirannya".*

*(Muttafaqun 'Alaih).*

Dalam suasana negara kita Malaysia yang diduduki oleh masyarakat majmuk berbilang bangsa dan agama, mungkin jiran sebelah kita merupakan seorang yang bukan Islam. Maka inilah masanya kita menunjukkan keindahan Islam dengan sikap toleransi, bekerjasama dan ciri-ciri keperibadian sebagai seorang muslim yang tunduk dan taat akan agamanya. Perlakuan yang berlawanan dengan syarak haruslah dihindarkan agar imej Islam tidak tercalar di kaca mata mereka.

**Hadirin yang dirahmati Allah,**



Oleh itu, kekangan masa dan kerjaya bukanlah satu alasan untuk kita tidak saling bertegur sapa dalam mengeratkan ukhuwah. Buanglah sifat ego dan mementingkan diri sendiri kerana sesungguhnya jiran merupakan insan yang amat diperlukan ketika kita ditimpa sesuatu musibah. Ketika kita berhadapan dengan situasi kecemasan, suami atau isteri pula bertugas di luar kawasan, saudara mara serta kerabat pula tinggal jauh dari rumah kita, sedangkan kita memerlukan bantuan segera, maka sudah tentu pertolongan jiran amat dialu-alukan. Namun bagaimana mungkin perkara ini akan berlaku, jika jiran sebelah rumah pun kita tidak pernah bertegur sapa.

Selain itu, hak menghormati jiran juga meliputi perkara yang tidak menyakiti hatinya seperti membuat bising pada waktu malam, termasuk juga meninggikan volume pembesar suara hingga terkeluar daripada kawasan masjid ketika melaksanakan aktiviti-aktiviti masjid hingga mengganggu ketenteraman jiran sekeliling kecuali untuk melaungkan azan. Disamping itu, ada juga yang suka berkaraoke hingga membingitkan telinga, menghidupkan kenderaan dengan bunyi ekzos yang kuat, meletakkan kenderaan hingga menghalang laluan orang lain, membiarkan najis haiwan peliharaan merata-rata hingga menyesak hidung serta lambakan sampah yang mengundang pelbagai penyakit.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ. قِيلَ  
وَمَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ الَّذِي لَا يَأْمَنُ جَارَهُ  
بَوَائِقِهِ



*"Demi Allah, dia tidak beriman! Demi Allah, dia tidak beriman! Demi Allah, dia tidak beriman! Lalu baginda ditanya, "Siapakah dia wahai Rasulullah?" Baginda menjawab; "Orang yang menyebabkan jiran tetangganya berasa tidak aman dari kejahatannya".*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### **Muslimin yang berbahagia,**

Sikap prihatin kepada jiran merupakan satu budaya terpuji. Tingkah laku terpuji seperti bertolak ansur, hormat menghormati, ucapan yang indah seperti bertanya khabar apabila bersua muka adalah unsur-unsur yang perlu ada dalam mewujudkan suasana keharmonian antara jiran. Kemesraan yang terjalin akan memudahkan kita bermuamalah antara satu dengan yang lain hingga lahir sifat kerjasama dan mudah menerima teguran. Maka kemudahan yang perlu dikongsi bersama dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Namun semua ini tidak berlaku jika kita masih bersikap mementingkan dan mengasingkan diri kita sendiri umpama kera sumbang atau enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

Oleh itu, marilah kita sama-sama menghayati dan mengamalkan sikap berlapang dada, bertolak ansur, saling faham memahami, meningkatkan kesabaran, bertukar-tukar pendapat, mencari titik persamaan dan mengeratkan hubungan yang renggang dengan penuh hikmah dan mahabbah.

Pendek kata, ciri-ciri jiran yang baik adalah saling bertegur sapa, ziarah menziarahi, menghulurkan bantuan dan tolong menolong antara satu dengan yang lain. Sebaliknya, jauhi sikap berprasangka, irihati, dengki, fitnah dan sebagainya yang akan menyemarakkan api kebencian dan persengketaan.





Hadis daripada Abu Zar al-Ghiffari RA memberitahu bahawa Rasulullah SAW telah berpesan yang bermaksud:

*"Jika engkau memasak daging atau seumpamanya yang berkuah, banyakkannya kuahnya, kemudian perhatikan jiran tetanggamu dan berikanlah sebahagiannya kepada mereka dengan baik."*

*(Riwayat at-Tirmizi).*

Dalam sebuah hadis lain, daripada Ibnu Abbas RA berkata bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

*"Tidaklah disebut mukmin, orang yang kenyang sedangkan jirannya kelaparan".*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Sehubungan itu, pentingnya jiran dalam kehidupan kita seolah-olah dia akan mewarisi hak dan harta kita sebagaimana hadis daripada Ibnu Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ  
أَنَّهُ سَيُورُنِي

*"Malaikat Jibrail tidak berhenti-henti berpesan kepadaku supaya aku bersifat baik terhadap jiran sehingga aku mengira atau berkeyakinan bahawa tetangga akan menerima hak waris".*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

Namun perilaku memelihara lidah dari mengadu domba, mengumpat dan menfitnah perlu juga diambil berat kerana ditakuti akan merosakkan hubungan sesama jiran dan mendapat kemurkaan Allah. Pepatah Melayu



ada mengatakan "Kerana Pulut Santan Binasa, Kerana Mulut Badan Binasa". Malah Rasulullah SAW juga memberi penjelasan dalam perkara ini kepada seorang lelaki yang bertanya: *Ya Rasulullah; ada seorang wanita yang terkenal sebagai ahli ibadah, sembahyangnya, sedekahnya dan puasanya baik, tetapi dia suka menyakiti jiran dengan lidahnya". Nabi SAW menjawab; "Dia akan dimasukkan ke dalam neraka".*

*(Riwayat Ibnu Hibban, al-Bazzar dan al-Hakim).*

### **Sidang jumaat yang dirahmati Allah,**

Sebagai bingkisan berharga untuk dibawa dan diamalkan apabila selesai solat Jumaat ini, marilah kita meneliti kesimpulan dari khutbah ini iaitu:

1. Umat Islam hendaklah memperkukuh silaturrahim dan melebarkan persaudaraan terhadap sesama insan termasuk jiran tetangga.
2. Umat Islam dilarang sama sekali menyakiti hati jiran dan hendaklah menjauhi sifat-sifat buruk.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa menampilkan diri dan mencerminkan imej kemuliaan Islam pada pandangan penganut agama lain.

Justeru, marilah kita kukuhkan ukhuwah yang terbina. Sesungguhnya jiran yang baik adalah pelengkap kepada kebahagiaan dan keharmonian yang sedang kita kecapai. Semoga jiran yang baik itu akan terus menjadi jiran kita ketika di syurga.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
\* وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ  
إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ  
السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ <sup>قُلْ</sup> إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ  
مُخْتَلًا فَخُورًا

"Dan beribadahkanlah kepada Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun; dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang kesusahan dan hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang takbur dan membangga-banggakan diri;"

(Surah an-Nisa: 36).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ



العزیز شاہ الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكُو اَمِيْر شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat



supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Semoga dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.